

# PM mahu terima **exco** Wanita

BH 17 MAY 2000

Oleh Dzulkfley Zanudin, Azni Md Deros dan Shamsul Azree Samshir

IPOH, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemimpin dan ahli Pergerakan Wanita Umno supaya tidak mempertikaikan rombakan barisan kepemimpinan pergerakan itu yang diumumkan ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz. Ahad lalu.

Beliau berkata, ahli Wanita Umno perlu menerima barisan exco serta ketua Wanita Umno negeri dan timbalannya sebagai satu pembaharuan yang ingin dilaksanakan pucuk pimpinan pergerakan itu.

Katanya, tindakan Rafidah menukar barisan kepemimpinan exco dan ketua perhubungan negeri juga tidak boleh dilihat sebagai perbuatan membalas dendam kerana masih ramai muka lama dikekalkan.

“Semua pihak perlu mengkajinya dengan teliti sebelum membuat penilaian dengan

mengatakan tindakan Rafidah merombak barisan kepemimpinan Wanita Umno sebagai membalas dendam.

“Saya tak rasa begitu, say a berfikir orang ramai patut mengkajinya dengan terperinci sebelum membuat penilaian.

“Sebab itulah semalam saya mengelak untuk membuat ulasan sehingga saya berjumpa dengan Rafidah dan dia menunjukkan kepada saya bahawa dia tidak menyingkirkan semua lot, ramai yang dikekalkan. Sebahagian besar daripada timbalan ketua juga dikekalkan.

“Malah penyingkiran itu hanya membabitkan sebilangan kecil yang difikirkan oleh Ketua Wanita perlu ditukar kepada orang yang mungkin lebih aktif, tetapi ia bukan kes membalas dendam. Saya tak nampak balas dendam kerana banyak orang

lama masih berada di situ,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Presiden Umno itu diminta mengulas kenyataan beberapa pihak tertentu yang menyifatkan tindakan Rafidah menggugurkan orang tertentu daripada barisan lama sebagai perbuatan membalas dendam.

Dalam rombakan itu, Rafidah menggugurkan sembilan Ketua Perhubungan Wanita Umno negeri, termasuk Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang tewas kepada Rafidah dalam pertandingan jawatan Ketua Wanita Umno, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan penjelasan Rafidah mengenai rombakan barisan kepemimpinan Wanita Umno itu.

Katanya, beliau tidak mahu wujud kern tertentu dalam pergerakan itu dengan

‘orang Rafidah’ atau ‘orang Zaharah’, sebaliknya semua mereka adalah ahli Umno.

Dr Mahathir juga yakin semua pemimpin dan ahli Wanita Umno akan meneruskan kerja mereka mengukuhkan perpaduan parti, sekaligus menguatkan semula pergerakan berkenaan.

Beliau juga akan berjumpa dengan semua barisan pemimpin Wanita Umno terbahit tidak lama lagi.

Mengenai kenyataan pihak tertentu yang menyifatkan Rafidah bertindak tergopoh-gopah dalam membuat rombakan barisan kepemimpinan itu, Dr Mahathir berkata pemilihan itu bukan dibuat sendiri oleh Ketua Wanita Umno.

Katanya, Rafidah membuat pelantikan itu selepas mendapatkan pandangan dan nasihat Menteri Besar dan Ketua Menteri atau Ketua

Perhubungan Umno negeri.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, beliau akan mengambil kira beberapa ciri tertentu sebelum melantik wakil Wanita Umno sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) parti.

“Saya akan timbanglah. Banyak yang nak masuk, tak ada tempat..tak cukup tempat.

“Banyak ciri yang perlu diambil kira..yang tertinggal, yang baru, yang luar, yang dalam. Setiap orang ada ciri masing-masing, saya perlu mengkajinya atas kepentingan Umno,” katanya.

Sebelum ini, Wanita Umno menyuarakan cadangan supaya dilantik wakil daripada pergerakan itu menganggotai MT berikutan semua lima calon mereka gagal memenangi sebarang jawatan dalam pemilihan MT. baru-baru ini.